

12/12/1999

Perak sokong senarai Kabinet

IPOH: Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata Kerajaan Perak menyokong penuh senarai Kabinet yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, bagi menyediakan barisan pemimpin pelapis pada masa depan.

Menurutnya, pelantikan beberapa menteri muda seperti Hishammuddin Hussein (Belia dan Sukan); Datuk Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan) dan Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) jelas memperlihatkan barisan pemimpin pelapis dilatih untuk tujuan itu.

Katanya, ini sejajar dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa ini penggal terakhir beliau menjadi Perdana Menteri.

Tajol Rosli berkata, kerajaan negeri berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana melantik beberapa pemimpin atau tokoh dari Perak sebagai menteri kali ini.

Mereka ialah Datuk Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan); Datuk Seri S Samy Vellu (Kerja Raya); Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama); Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) serta anak kelahiran Perak, Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan yang baru.

Malah, katanya, Datuk Ong Ka Ting yang dilantik sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru adalah anak kelahiran Lenggong, Perak.

Perak berbangga dengan pelantikan empat pemimpin negeri sebagai timbalan menteri, iaitu bekas Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib (Pengangkutan); Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Zainal Abidin Zin (Dalam Negeri); Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (Pendidikan) dan dan Ahli Parlimen Taiping, Datuk Kerk Choo Ting (Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

Ahli Parlimen Gerik, Khamsiyah Yeop pula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

(END)